

## **Kebudayaan Masyarakat Cina: Tarian Singa**

Nur Atiqah Abu Abbas  
Ummul Aiman Hidayah Ahmad Hamdan  
Azman Mat Isa

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam mengenai tarian warisan masyarakat Cina, iaitu tarian singa. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat, sahih dan padat, temu bual yang melibatkan individu yang berpengalaman secara langsung dengan tarian ini dilakukan. Oleh hal yang demikian, kajian ini terhasil melalui temu bual bersama Encik Yong Kheng Chien, Pengasas Persatuan Tarian Singa dan Naga Gao Feng, Malaysia, serta Setiausaha Agung Persatuan Wushu Tarian Naga dan Singa Negeri Melaka. Hasilnya, masih banyak informasi yang masih belum diketahui oleh masyarakat tempatan mengenai tarian singa. Kajian lisan ini juga bertujuan untuk mengenali dengan lebih dekat mengenai tarian singa dan menelusuri budaya serta tradisi mereka yang mempunyai cara tersendiri untuk mempamerkan makna-makna tarian tersebut. Selain itu, kajian ini menerangkan cara-cara melakukan persembahan dan ritual tarian singa di Malaysia. Bagi masyarakat Cina, tarian singa mempunyai maksud dan kepercayaan yang unik. Tarian ini dipercayai dapat menghalau anasir-anasir jahat dan membawa tuah kepada individu tertentu.*

**Kata kunci:** *Tarian singa, budaya, masyarakat Cina, Malaysia, tradisional*

### **ABSTRACT**

*This study is to get much information about the heritage dance of the Chinese community, namely the lion dance. To get more accurate, authentic, and concise information, interviews involving individuals who are directly experienced with this dance are conducted. As such, this study was produced*

*through an interview with Mr. Yong Kheng Chien, Founder of the Gao Feng Lion and Dragon Dance Association, Malaysia, and the Secretary General of the Melaka State Dragon and Lion Dance Wushu Association. As a result, a lot of information that was not recognized by the local community about the lion dance. Oral study also aims to identify more closely with the lion dance and explore the culture and traditions that consume its own way to showcase the meanings of the dance. In addition, this study describes ways to perform lion dance performances and rituals in Malaysia. For the Chinese community, lion dance has a unique meaning and belief. This dance is believed to drive away the elements of evil and bring good luck to certain individuals.*

**Keywords:** *Lion dance, culture, Chinese society, Malaysia, traditional*

## **PENGENALAN**

Malaysia ialah negara yang unik dan mempunyai variasi kaum Melayu, Cina India dan pelbagai masyarakat berbeza. Setiap masyarakat terdiri daripada ciri dan budaya masing-masing, sama ada dari segi tarian, makanan, dan pakaian. Antaranya ialah tarian singa yang merupakan simbolik kepada kaum Cina. Di Malaysia, tarian singa ialah satu tarian yang aktif dan diusahakan oleh masyarakat setempat untuk sesuai dengan perkembangan teknologi semasa. Tarian singa berkait rapat dengan satu daripada kepakaran kaum Cina dari segi pembuatan kostum dan penggunaan tarian. Oleh itu, tarian singa memerlukan kreativiti untuk menarik lebih ramai penonton dan mengetahui kewujudan tarian singa.

Tarian singa sering kali menjadi penanda budaya Cina yang paling eksplisit dan penting bagi masyarakat Cina di luar negara China, terutamanya di bahagian Laut Cina Selatan seperti Vietnam, Malaysia, dan Indonesia. Hal ini demikian kerana kaitannya yang rapat dengan festival Cina dan acara sosio budaya yang lain dan menjadikannya sering menjadi tumpuan penyelidikan bebas. Sebagai contoh, perbincangan awal tarian singa China muncul dalam artikel Hoy (1948) mengenai perayaan asli orang-orang Cina di negara California, iaitu terdapat tarian singa yang sering kali tidak dapat dipisahkan daripada perayaan Tahun Baru Cina.

Di Malaysia, terdapat beberapa persatuan yang sememangnya terkenal dengan kelincahan dan penghasilan tarian singa yang tiada tolok bandingnya. Antaranya ialah Persatuan Tarian Singa dan Naga Kun Seng Keng Muar (KSK) telah menjadi juara ketika bertanding di Hong Kong pada tahun 1990, dan Pengasas Persatuan Tarian Singa dan Naga Gao Feng, Encik Yong Khen Chien yang telah memberi sumbangan menjadi juri dalam Kejuaraan Tarian Naga dan Singa Kebangsaan ke-10 serta ramai lagi (Badrul, 2017).

Maka untuk meneliti segala persoalan dan spekulasi yang berkaitan dengan budaya tarian singa, para penyelidik mula menggali segala jawapan sehingga menelaah maklumat-maklumat mengenai persembahan tradisional tersebut sejak 1980-an. Tiada ubat yang tiada penawarnya, maka langkah-langkah yang konkrit, sistematik dan pragmatik harus dijalankan secara berterusan agar masalah ini boleh dibasmi hingga ke akar umbi.

#### **PERNYATAAN MASALAH**

Kepesatan pembangunan dan modenisasi seiring dengan gerakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) seolah-olah telah menelan tradisi dan budaya masyarakat tempatan di Malaysia walaupun tradisi serta budaya itu sangat terkenal dan memberi maksud yang mendalam suatu masa dahulu. Hal ini dapat dikaitkan dengan tarian tradisional masyarakat Cina, iaitu tarian singa yang tidak diperluas seperti penyertaan dalam pertandingan antarabangsa di seluruh dunia. Tarian singa dapat dilihat pada musim Tahun Baru Cina, dan dalam pertandingan antarabangsa seperti Olimpik, namun ia tidak diperluas dalam talian seperti pertandingan-pertandingan yang lain. Jika perkara ini berlanjutan, tarian singa hanya sekadar di dalam pertandingan sahaja, bukan membawa sejarah kewujudan tersebut.

Dalam pada itu, tidak banyak kajian dibuat mengenai tarian singa dan naga dengan mendalam. Sebagai contoh, Muliawan dan Winata (2020) menyatakan bahawa tarian singa mempunyai dua jenis yang diterapkan di Malaysia, iaitu singa utara yang mempunyai kaki empat di kostum. Selain itu, penampilan Tarian Singa Utara dan Tarian Singa Selatan kelihatan seakan-

akan sama, iaitu memiliki sisik berwarna dan mempunyai dua atau empat kaki di kostum. Di kepala kostum singa selatan pula dilengkapi dengan tanduk yang menyerupai binatang Qilin. Pergerakan antara kedua-dua tersebut juga berbeza. Seiring dengan ketukan alatan muzik gong, gerakan Tarian Singa Selatan menggerakkan kepalanya dengan agresif, manakala gerakan Tarian Singa Utara pula lebih cenderung kepada aspek kelincahan kerana memiliki empat kaki. Kajian tersebut hanya menceritakan secara rawak dan tidak dapat meluaskan horizon pemikiran mengenai dua tarian tersebut, selain menyatakan permasalahan tempat untuk melaksanakan aktiviti pasukan tarian naga dan singa di Malaysia sahaja.

Akhir sekali, Sarawak Update (2021) telah mengatakan bahawa tarian singa tidak dapat dilaksanakan untuk menghormati Prosedur Operandi Standard (SOP) dijalankan ketika musim pandemik COVID-19. Hal ini demikian disebabkan tarian singa mampu menarik ramai penonton berkumpul dan melihat persembahan tersebut, dan ia adalah salah dari segi pematuhan SOP. Namun begitu, sambutan Tahun Baru Cina (CNY) hanya diadakan sehari saja untuk keluarga terdekat dan dibenarkan di rumah sendiri. Andaikan perkara ini berlanjutan, tiada lagi tarian singa yang dipersembahkan kepada masyarakat Malaysia.

Oleh hal yang demikian, penyelidik ingin mengetahui sejarah tarian singa bersama responden kajian Encik Yong Kheng Chien dengan lebih mendalam mengenai permasalahan yang telah dinyatakan. Kajian ini juga akan memperincikan dengan lebih mendalam mengenai perbezaan tradisi dahulu dan sekarang, cara tarian singa sentiasa segar sepanjang zaman dan faktor kewujudan tarian singa.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah seperti yang berikut:

- i) Menenal pasti perbezaan kostum tarian singa yang wujud di Malaysia.
- ii) Mengkaji sejarah kedatangan dan pengertian tarian singa dengan lebih mendalam.

- iii) Mengkaji perbezaan jenis-jenis tarian singa yang dilaksanakan oleh pelbagai kaum.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa persoalan yang boleh diajukan seperti:

- i) Apakah perbezaan penggunaan warna-warna yang diterapkan di kostum tarian singa di Malaysia?
- i) Bagaimanakah wujudnya tarian singa dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia?
- ii) Apakah perbezaan jenis tarian singa di Malaysia?

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan supaya pihak yang bertanggungjawab sedar akan kepentingan memelihara tarian singa. Hal ini kerana tarian ini merupakan warisan yang melambangkan ciri-ciri masyarakat Cina dan pengekalannya ini dalam kalangan mereka perlu diteruskan. Malah, tarian ini menjadikan salah satu sumber pelancongan di Malaysia. Tambahan pula, tarian singa juga melambangkan sebagai pembawaan tuah dan menghalau anasir-anasir jahat dalam masyarakat Cina seperti pembukaan perniagaan, majlis perkahwinan, dan pembelian rumah baharu.

Jika dilihat dari segi aspek sosial, pembelajaran teknik tarian singa dapat meningkatkan disiplin seseorang, mendalami seni tarian, dan menerapkan nilai-nilai murni. Tarian singa juga boleh menyatukan perpaduan rakyat yang berbilang kaum. Hal ini demikian kerana tarian singa tidak menghadkan masyarakat Cina sahaja yang menyertai tarian tradisional, malah, terbuka kepada seluruh kaum untuk menyertainya. Perkembangan yang terbaik ini menunjukkan kekuatan harmoni dan perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum di seluruh dunia.

Bersangkutan dengan hal ini, kajian lisan ini juga diimplementasikan agar dijadikan sumber rujukan sejarah lisan oleh penyelidik-penyelidik dan mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam berpandukan kajian yang telah dijalankan dalam memartabatkan tarian tradisional masyarakat Cina iaitu

tarian singa. Yang membimbangkan penyelidik ialah penyelidik mempunyai kesukaran untuk maklumat-maklumat yang dikehendaki melalui koleksi buku-buku, jurnal-jurnal penyelidikan yang sedia ada, dan juga sumber internet yang kurang memberangsangkan. Maka, aspek ini sangat penting agar sejarah tarian singa di Malaysia dapat dijadikan sebagai bahan rujukan.

Penyelidik mengharapkan agar kajian ini dapat membantu masyarakat umumnya dan khususnya penyelidik-penyelidik lain untuk memahami dengan lebih mendalam maksud dan definisi setiap tarian singa dari segi bentuk, warna dan sejarah di Malaysia. Bukan itu sahaja, masyarakat juga menyedari perjuangan yang dilakukan oleh Encik Yong Kheng Chien memperluas seni tarian singa di setiap pelosok negara.

#### **TINJAUAN LITERATUR**

Tarian singa diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai simbol budaya Cina. Menurut Yap (2016), sejak zaman purbakala, singa telah dilihat sebagai simbol kekuatan, kebijaksanaan, umur panjang dan keuntungan. Singa adalah pokok cerita rakyat, sastera dan seni Cina. Dalam konteks tarian, singa dapat memasukkan dan mengaktifkan tenaga positif dan menghilangkan tenaga negatif. Pada penjelmaan awalnya, tarian singa digunakan untuk memberi tenaga kepada askar-askar sebelum mereka pergi ke pertempuran.

Biasanya, gaya tari ini lebih dikenali sebagai harta peninggalan kaum Cina. Berkaitan dengan itu, warisan kaum Cina mempunyai sejarah gerak tari singa berpangkal lebih 1,000 tahun dahulu. Jika diikutkan daripada permulaan perkembangan tarian tradisional ini, tarian singa mempunyai pelbagai jenis tarian. Namun, tersimpul dua kategori tarian singa yang diketahui oleh masyarakat di Malaysia ialah Tarian Singa Selatan dan Tarian Singa Utara. Sejak tahun 1850, Malaysia telah mewujudkan masyarakat majmuk yang dapat dilihat pada harini. Hal ini demikian kerana masyarakat Cina berhijrah secara besar-besaran dan menakluki sebahagian negeri dan bandar dengan mengeluarkan imej mereka. Contohnya, pembukaan Chinatown, kuil dan rumah kongsi (Mohamed, 2008).

Dalam konteks tarian, dua penari diperlukan untuk mempersembahkan tarian ini pada kebiasaannya. Seorang penari memainkan watak di hadapan dengan menggerakkan kepala kostum. Selain itu, penari di hadapan juga perlu menggerakkan mulut, mata dan badan kostum singa. Manakala, seorang penari lagi di belakang badan kostum singa perlu membongkokkan badan, menggerakkan bahagian belakang dan ekor singa. Pada marcapada, tarian singa khususnya di Sabah dan Sarawak bukan saja dimainkan masyarakat Cina, tetapi turut membabitkan masyarakat tempatan yang lain. Sebagai contoh Sabah, penarinya terdiri daripada mereka yang kebanyakannya berketurunan Bajau, Sulu, Kadazan serta kaum lain (Yap, 2005).

Dari segi konteks penggunaan alatan muzik pula, terdapat beberapa peralatan yang digunakan terhadap tarian singa untuk acara, pertandingan, dan persembahan. Walaupun dengan kepelbagaian improvisasi dan variasi, alatan muzik iaitu loo luo (simbal), and bo (gong) dan shigu (gendang) dan irama gendang tetap tidak berubah dalam pertandingan setiap tahun. Namun apabila seni rakyat memasuki konteks persaingan, maka tumpuan adalah kepada kemenangan dan bukan terhadap keaslian ritualisme (Hiroyuki, 2003).

Seterusnya dapat dilihat dari segi makna persembahan budaya dibuat semasa berinteraksi antara penghibur dan penonton (Li, 2017). Sebagai contoh, penggunaan alat peraga adalah teknik persembahan biasa, dimana seorang penari atau koreografer meniru penampilan binatang. Bukan itu sahaja, seiring dengan nama tarian ini, ianya wajib dipersembahkan dengan memakai kepala singa. Tarian singa ditemukan dengan keadaan dan maksud yang berbeza di China iaitu Tarian Singa Selatan dan Tarian Singa Utara. Kedua-duanya bertujuan untuk mewakili kekuatan dan momentum singa dan membolehkan penonton mengenali gambar singa yang tampil dan membezakan ekspresi wajahnya (Liu & Zhang, 2019).

Pada era globalisasi kini, tarian singa juga bukan sahaja hanya untuk masyarakat Cina, malah terbuka kepada semua warganegara Malaysia tidak kira kaum, agama dan status. Ahmad (2019) telah menyatakan bahawa Sekolah Kebangsaan Jerong (SKJ) mempunyai 30 murid Melayu yang telah menyajikan tarian naga dan singa di Majlis Perasmian Persatuan Kebudayaan

dan Kesenian Terengganu (PKKT) di Kampung Wakaf Tapai, Marang. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai minat untuk mempelajari gerak tari tersebut dan amat menggemari wayang gambar gerakan Kungfu yang dikisahkan oleh pelakon Jackie Chan.

Sejajar dengan IR 4.0, penyelidikan dalam robotik hiburan menjadi terkenal dalam pembangunan robot. Robot ini dapat melakukan interaksi fizikal dengan manusia dan melakukan tarian untuk menghiburkan manusia. Sasaran pengembangan singa robot adalah menggunakan seni tradisional untuk mencipta kaedah robot hiburan generasi baharu untuk masyarakat. Untuk kepala singa robot, merangkumi dua motor linear Linmot, yang menggunakan prinsip elektromagnetik. Setiap motor dapat mengawal mata dan mulut singa robot pada kedudukan yang tepat masing-masing (Han, 2009). Kelebihan utama sistem ini ialah membolehkan pengguna menggunakan arahan tingkat tinggi untuk menghasilkan animasi tarian singa di lantai rata secara prosedur. Walau bagaimanapun, langkah para penari singa ditentukan oleh perancang gerakan dan bukannya dikendalikan secara interaktif oleh pengguna (Yu & Li, 2007).

Selain dua tarian yang terkenal di Asia Tenggara, terdapat juga Tarian Barongsai yang terkenal di Indonesia. Menurut Christina (2015), Tarian Barongsai dikenali sebagai Barongsai Naga Sakti mempunyai nilai ritual dalam pertunjukan yang menyeluruh dari segi moral ketuhanan, moral hormat-menghormati, dan moral kehidupan. Hal ini dapat dipandang dari segi simbolik seperti acara sembahyang, pembakaran hio, pai-pai, dan penyerahan air suci. Alatan muzik yang telah diaplikasikan di dalam persembahan tarian Barongsai adalah alat muzik jik, lhin, dan tambur untuk mengiringi persembahan. Bukan itu sahaja, tata lampu juga turut digunakan dalam memperindah pertunjukan tersebut.

Dari segi pergerakan tarian Barongsai, diistilahkan sebagai Lay See iaitu singa harus memakan amplop yang berisi wang. Di atas amplop tersebut diletakkan bersama Chai Chin, iaitu sayuran selada air. Ianya melambangkan hadiah untuk singa, dan kedua-dua proses tersebut boleh dikatakan



berlangsung separuh daripada seluruh pertunjukan (Muliawan & Winata, 2020).

Hal ini berpunca kerana masyarakat Tionghoa mempunyai pemikiran bahawa singa merupakan raja segala binatang dan boleh menakuti semua kehidupan, termasuk manusia. Masyarakat Tionghoa membina kostum dan memacakkan di kawasan pertanian untuk mengelakkan dari binatang buas merosakkan tanaman mereka. Lama-kelamaan, kostum tersebut menjadi besar dan boleh mencapai empat atau lima kilogram. Hal tersebut adalah untuk menyedari akan tujuan mencipta kostum Barongsai menyerupai singa (Chairunnisaak, Supadmi & Lindawat, 2017).

Silitonga (2019) juga menyatakan bahawa masyarakat Tionghoa menerapkan tarian Barongsai yang ke Indonesia sewaktu perpindahan dari Tiongkok Selatan pada abad ke-17. Masyarakat Tionghoa juga ada mempunyai istilah yang lain iaitu Liong Samsi atau Bulangsai, bergantung kepada sebutan setiap tempat. Bukan itu sahaja, Tarian Singa Utara atau disebut Peking Sai bersifat akrobatik, seperti berjalan diatas bola, menggendong, dan berputar.

Kempen yang telah dianjurkan oleh Perdana Menteri Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad, merangkumi Wawasan 2020, konsep Bangsa Malaysia atau Rakyat Malaysia, yang menekankan penerimaan bangsa lain di Malaysia yang berbilang budaya. Menurut Omar, Noritah dan Che Dan (2006), semasa pemerintahan Mahathir (1981–2003), ahli politik menyatakan pandangan mereka mengenai pemeliharaan budaya, sama ada positif atau negatif. Sebagai contoh, presiden Persatuan Cina Malaysia, Datuk Ong Ka Ting memilih bahawa sekurang-kurangnya identiti, amalan budaya, bahasa, dan agama orang bukan Melayu tidak akan dinafikan.

Dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia, ketiga-tiga masyarakat terpenting iaitu Melayu, Cina dan India meneruskan budaya amalan menjaga identiti, walaupun asimilasi telah berlaku hingga tahap tertentu (Rashid & Ho, 2003). Tarian singa tetap menjadi aktiviti yang sangat penting bagi pendatang Cina dalam menekankan asal usul mereka. Ia kuat, penuh dengan tenaga

muda daripada kumpulan seni mempertahankan diri yang menyajikannya, dan paparan umum yang berkesan. Sebilangan kaum Cina Malaysia mungkin berpendapat bahawa mereka lebih Barat dari kaum Cina daratan atau mereka tidak mempunyai hubungan dengan China (Jonathan, 2005), mereka mengekalkan aktiviti budaya ini, terutama tarian singa.

## **METODOLOGI**

Satu kajian secara lisan telah diadakan secara kualitatif iaitu dengan menemubual Encik Yong Kheng Chien, pengasas Persatuan Tarian Singa dan Naga Gao Feng, Malaysia. Menurut Siti *et al.*, (2012) menyatakan maksud sejarah lisan adalah cara dalam mencatat kejadian yang lepas yang pernah dilalui oleh individu. Data-data mengenai sesuatu sejarah yang dapat disempurnakan melalui sejarah lisan kerana ia masih disimpan oleh individu yang terlibat. Sehubungan dengan itu, matlamat metodologi ini digunakan adalah untuk mengerti dengan lebih mendalam dan terperinci lagi mengenai pengaplikasi cara-cara dengan membuat huraian tentang proses kajian data serta prosedur.

Dalam mengemudikan penyelidikan ini, kaedah kajian yang telah diaplikasikan oleh penyelidik adalah temubual secara lisan melalui aplikasi dalam talian iaitu Zoom. Penyelidik juga menggunakan aplikasi dalam talian seperti Whatsapp, Facebook dan Google untuk menghubungi Encik Yong Kheng Chien. Justeru, aplikasi-aplikasi tersebut telah memberi peluang untuk menjadi perantaraan di antara penyelidik dan penemu bual.

Temubual ini dijalankan bersama pengasas Persatuan Tarian Singa dan Naga Gao Feng, Malaysia yang bernama Encik Yong Kheng Chien. Selain itu, Encik Yong Kheng Chien juga merupakan Setiausaha Agung Persatuan Wushu, Tarian Naga dan Singa Negeri Melaka. Beliau telah berjinak dengan tarian singa sejak kecil lagi bersama ayahnya, Encik Yong Sun San. Oleh itu, beliau telah mempunyai minat yang mendalam untuk mengetahui selok-belok mengenai sejarah tarian singa, persembahan tarian singa. Sehubungan dengan itu, Encik Yong Kheng Chien merupakan tokoh yang terbaik untuk menjayakan temubual ini.

## **HASIL KAJIAN**

### **Sejarah kewujudan tarian singa di Malaysia**

Tarian singa merupakan tarian yang memberi signifikansi kepada kaum Cina dan membawa kepercayaan seperti menghalau anasir-anasir jahat dan membawa tuah. Tarian singa telah dibawa di Malaysia pada abad ke-19. Adat tersebut telah dibawa oleh imigrasi kaum Cina pada zaman di mana sosioekonomi masyarakat terlalu aktif apabila Melaka menjadi bandar entropot kaum Melayu.

Pada kurun ke-19, Malaysia juga mengalami revolusi budaya, dimana terdapat pelbagai budaya yang telah dibawa dan diterap oleh pelbagai kaum dan melahirkan Malaysia kini. Tarian singa masih bertahan di antara gelombang moden dan budaya kontemporari. Tarian singa telah menjadi ritual biasa di China sejak zaman Dinasti Ming (1368–1644) dan Dinasti Qing (1644–1912) (Ying & Fung, 2016). Berikut adalah asal-usul pembawaan kebudayaan tarian singa secara ringkas:

- i) Singa dibawa ke China dari India semasa Jalan Sutera berdagang di sekitar dinasti Tang.
- ii) Wilayah Hokkien dan Wilayah Fuchong merupakan wilayah pertama menerapkan dan mempopularkan persembahan tarian singa di depan Maharaja China.
- iii) Hanya Maharaja yang berpeluang melihat binatang eksotik ini; melihat seekor singa papier-mâché meniru binatang sebenar sebagai mawar alternatif untuk orang biasa.
- iv) Maharaja bermimpi bahawa singa membawa kesejahteraan kepada kerajaan. Oleh itu, Maharaja memerintahkan orang untuk membina singa papier-mâché.

- v) Seorang sami Buddha menganjurkan agar seekor singa papier-mâché yang kelihatan seperti benturan gong dan simbal akan menangkis makhluk yang ketakutan (Ying & Fung, 2016).

Bukan itu sahaja, imigran dari China, terutamanya China Selatan seperti etnik Guangdong dan Hokkien berhijrah ke Malaysia dan membawa budaya tersebut. Pihak komunis China, sifu-sifu dan tok guru dari China juga berhijrah ke Malaysia dan menyebarkan budaya tarian singa.

Tersimpul dua jenis gerak tari singa yang popular di Malaysia iaitu Tarian Singa Selatan dan Tarian Singa Utara. Kedua-dua jenis gerak tari membawa maksud yang sama, namun mempunyai perbezaan daripada pelbagai aspek terutamanya kostum. Tarian Singa Selatan pula terbahagi kepada dua, iaitu tarian singa Foshan dan tarian singa Heshan. Kedua-dua kategori itu adalah daerah di negara China. Umum mengetahui bahawa persatuan tarian singa yang telah ditubuhkan di Malaysia hanya menerapkan sejenis tarian iaitu Tarian Singa Selatan sahaja. Manakala, Tarian Singa Utara terus menjadi legasi di negara China di Beijing dan Shanghai.

Seterusnya, terdapat kewujudan Tarian Singa Barongsai di negara jiran iaitu, negara Indonesia. Menurut Chairunnisaak, Supadmi dan Lindawati (2017), Tarian Singa Barongsai merupakan tarian tradisional Cina yang telah dipopularkan semasa zaman Dinasti Nan Bei pada tahun 420-589 Masehi. Pada waktu itu, Maharaja Song Wen Di telah menentang serbuan daripada kelompok gajah Maharaja Dan Yang dari negeri Lin Yi. Disebabkan kejadian tersebut berlaku, panglima perang bernama Zhong Que telah mereka patung singa menghalau tentera Raja Fan. Strategi tersebut telah berjaya dan menjadi tarian Barongsai yang popular sehingga sekarang.

Selain daripada Tarian Singa Barongsai, dipanggil juga sebagai Sanye di negara Korea. Tarian tersebut telah direkodkan di dalam buku teks sejarah Samguk Sagi, iaitu puisi dari kerajaan Silla telah dicipta oleh Choe Chiwon. Terdapat dua jenis tarian singa tradisional yang masih dipelihara di negara Korea, iaitu Saja-Noreum dan Sajach'um sehingga kini. Saja-Noreum adalah permainan singa dimana terdapat dua orang lelaki bertopengkan singa,

melawat ke rumah perkampungan untuk tujuan penyingkiran anasir-anasir jahat, dipanggil Taeboreum-nal. Tarian Sjach'um memerlukan dua penari tarian singa dalam satu kostum (Pratt & Rutt, 2013).

### **Warna-warna Tarian Singa Selatan dan Tarian Singa Utara**

Bagaimanakah terciptanya corak rupa tarian singa ini? Dikatakan bahawa warna tarian singa telah diambil daripada novel "Romance of The Three Kingdoms" oleh Luo Guanzhong yang menjadi asas bagi banyak drama opera yang popular. Dalam novel tersebut, semasa runtuhnya Dinasti Han, tiga orang bersumpah bersaudara di sebuah kebun untuk memulihkan kembali era Dinasti Han. Yang sulung adalah Lau Pei atau nama lainnya adalah Liu Bei, merupakan zuriat Han. Saudara lelaki kedua adalah Kwan Yu atau Guan Yu. Akhir sekali, anak bongsu dari mereka adalah Jeung Fei atau dikenali sebagai Zhang Fei. Berdasarkan ketiga-tiga watak inilah terbentuknya warna-warna singa Selatan dan Utara.



Gambar 1: Warna kuning melambangkan Jeneral Liu Bei (Internet Archive WayBack Machine, 2011)

Liu Bei (劉備) diwakili oleh simbolik warna dasar kuning pada wajahnya. Ianya merupakan simbolik daripada tiga perkara iaitu daripada warna kulitnya. Seterusnya yang kedua adalah yang mewakili kebijaksanaannya dan yang ketiga adalah bahawa kuning mewakili warna Maharaja. Kostum singa memakai janggut putih panjang untuk kebijaksanaan. Kadang-kadang ia memakai tali leher atau helang sebagai ganti tanduk rebung. Ekornya pula

mewakili lima unsur dan warnanya yang dianggap sebagai kawalan dan diberikan kepadanya oleh Maharaja. Seterusnya, pada kolar terdapat tiga duit syiling untuk menunjukkan kebijaksanaan, kebajikan, dan keberanian dan untuk menunjukkan bahawa Liu Bei adalah anak sulung dari tiga bersaudara.



Gambar 2: Warna kemerahan melambangkan Jeneral Guan Yu (Internet Archive Way Back Machine, 2011)

Saudara lelaki kedua Guan Yu (關羽) dikatakan mempunyai wajah kemerahan. Hal ini disebabkan ketika Guan Yu membunuh pembuli tempatan yang berusaha memaksa dirinya pada gadis muda. Ayahnya, seorang pegawai yang korupsi, cuba membalas dengan memerangkapnya di sebertuk monumen dan membakarnya hidup-hidup. Corak warna merah juga melambangkan kebenaran, kesetiaan dan keberanian Jeneral Guan Yu dan juga digabungkan dengan penggunaan warna hitam. Ia menggunakan apa yang dikenali sebagai mata vermilion phoenix. Di kolar, terdapat dua syiling untuk menunjukkan kebijaksanaan dan keberanian serta kedudukannya sebagai saudara kedua. Janggutnya yang panjang dan hitam. Hal ini demikian kerana Jeneral Guan Yu dikenali dengan Janggut Cantik. Ekornya diwakili oleh warna merah dengan sedikit warna hitam. Simpul atas Phoenix paling kerap digunakan selain daripada tanduk rebung. Singa ini dikenali sebagai Singa yang Terbangun (Xing Shih).



Gambar 3: Warna hitam melambangkan Jeneral Zhang Fei (Chaiklin, 2009)

Saudara lelaki ketiga adalah Zhang Fei (張飛). Singa ini mempunyai wajah hitam kerana dikatakan Jeneral Zhang Fei mempunyai warna gelap. Dalam konteks ini, warna hitam mewakili pemuda, berterus terang, dan sifat suka memberontak. Singa ini memakai janggut pendek berwarna hitam, mata kaca berwarna merah, telinga kembang kol, dan taring. Hal ini melambangkan singa Zhang Fei lebih mengancam, sesuai dengan warnanya. Ekornya berwarna hitam dan putih dengan lonceng mendandani badan yang berfungsi seperti peringatan. Selain itu, lonceng juga dipercayai mempunyai kekuatan atas dunia rohani. Tanduk itu kadang-kadang mempunyai tanduk besi kerana singa ini dikenal sebagai Singa Berjuang (Dou Shi) kerana Jeneral Zhang Fei suka berperang.



Gambar 4: Warna hijau dan hitam melambangkan saudara Zhao Yun dan Zhao Zi Long (Chaiklin, 2009)

Seterusnya, warna hijau juga merupakan simbolik kepada pahlawan yang bernama Zhao Yun (趙雲) atau Zhao Zi Long (子龍). Singa ini mempunyai ekor berwarna hijau, manakala janggut dan bulu berwarna hitam dan mempunyai tanduk besi. Jeneral ini seringkali dipanggil saudara lelaki keempat, dan dikenali sebagai Singa Pahlawan (Ying Xiong shi). Kisah bagaimana terjadinya singa ini adalah setelah pasukan Lau Pei dikalahkan dan kehilangan kapitol, mereka terpaksa terbang. Lau Pei terpisah daripada keluarganya dimana kerusuhan telah berlaku. Dikatakan bahawa setelah mendengar Jiu Wan menunggang ke wilayah musuh dan berjaya mencari dan menyelamatkan anak lelaki Lau Pei dengan menunggang tentera-tentera musuh.



Gambar 5: Warna kekuningan melambangkan saudara Huang Zhong (Chaiklin, 2009)

Wajah kekuningan atau kadang-kadang dikatakan warna putih kekuningan dan badan kuning bersama dengan janggut dan bulu putih atau perak mewakili Huang Zhong (黃忠). Huang Zhong diberikan warna ini ketika Lau Pei bangkit menjadi Maharaja. Di kostum singa Huang Zhong, tanduk akan dipakai bersama simpul elang. Singa ini dikenali sebagai Singa Benar. Hal ini demikian kerana sebelum bergabung dengan pasukan Lau Pei, Jeneral Huang Zhong menyelamatkan nyawa Kwan Yu setelah Maharaja Kwan menyelamatkan nyawanya ketika kudanya rebah semasa pertarungan mereka. Hal ini akan menyebabkan Maharaja Kwan menyalahkan Huang Zhong akan tingkah laku yang salah dan memerintah untuk membunuhnya. Namun begitu, Huang Zhong masih setia dan menolak pergaduhan demi menyelamatkan nyawa sendiri.



### **Perayaan dan Makna Di Sebalik Tarian Singa**

Berlandaskan kepercayaan masyarakat Cina, gerak tari singa bukan sahaja sekadar untuk menghiburkan, malah mempunyai maksudnya yang tersendiri. Masyarakat kaum Cina mempunyai kepercayaan yang mendalam terhadap tarian singa yang menganggap membawa dengan mempersembahkan gerak tari tarian singa, sudah pasti mampu memberikan tuah dan rezeki kepada mereka yang mengamalkannya. Maka, tarian singa seringkali diadakan bukan sahaja ketika Tahun Baru Cina, Malah dipersembahkan juga dalam majlis-majlis, sambutan ulang tahun kelahiran, dan pembukaan perniagaan baharu.

Bagi perayaan masyarakat kaum Cina juga dikenali sebagai perayaan Cap Goh Mei. Cap Goh Mei berasal dari dialek Hokkien yang bermakna malam ke-15 bagi Tahun Baru Cina di mana ianya juga menjelaskan hari terakhir bagi sambutan Tahun Baru Cina. Menurut Fazreen (2020), "Chap Goh" memberi maksud "15" dan "Mei" bermaksud "malam".

### **Persembahan dan Muzik Tarian Singa**

Persembahan tarian singa mesti dilengkapi dengan penari, kostum, alatan muzik dan aksesori seperti tiang. Pada tahun 2008, Persekutuan Tarian Singa dan Naga Asia telah menetapkan satu piawaian iaitu, setiap tiang mempunyai ukuran dan kaki yang sama. hal ini demikian kerana untuk memudahkan pihak logistik agar tiang-tiang yang sama untuk kegunaan pertandingan dan persembahan. Selain itu, piawaian juga dilaksanakan untuk memudahkan pasukan dari luar negara menyertai pertandingan, dan hanya perlu membawa kostum singa dan pasukan tarian singa sahaja. Namun begitu, tidak semua tiang digunakan. Persembahan tarian singa harus menitikberatkan keluasan kawasan yang digunakan.

Saiz tiang yang telah ditetapkan adalah panjang 15-meter dan lebar 0.7 meter. Setiap tiang tersebut akan dijarakkan dalam lingkungan 16 meter. Kewujudan tiang dalam tarian singa adalah untuk membolehkan singa tersebut berdiri dan dipertunjukkan kepada para penonton. Maksimum tiang yang

digunakan dalam persembahan adalah 22 tiang, termasuk tiang untuk memegang ekor kostum singa.

Selain itu, dalam setiap persembahan tarian singa, sudah tentu ada menggunakan alatan muzik. Dalam konteks ini, alatan muzik yang digunakan adalah gendang, simbal dan gong. Sewaktu persembahan bermula, pemain alatan muzik membunyikan gendang untuk isyarat kemasukan kostum singa. Kadang-kala, penari singa akan memasuki ke kawasan persembahan di celah-celah penonton untuk menambah tarikan penonton.

Jenis-jenis alatan muzik yang sering digunakan sewaktu upacara tarian singa adalah simbal, gong, kayu dan gendang. Penggunaan muzik ini adalah untuk mengeluarkan alunan dan pertukaran bunyi. Muzik mempunyai beberapa rentak asas dalam tarian singa. Mereka adalah rentak tiga bintang, rentak lima bintang, dan rentak tujuh bintang. Pukulan tiga bintang pada dasarnya adalah dua rentak, tetapi rentak pertama dibahagikan secara serentak menjadi dua rentak yang lebih pendek. Rentak lima bintang adalah tiga rentak, tetapi dua rentak pertama dibahagikan secara serentak menjadi empat rentak lebih pendek, dan rentak tujuh bintang adalah empat ketukan, tetapi tiga rentak pertama semuanya dibahagikan secara serentak menjadi enam rentak yang lebih pendek.

Untuk memadankan rentak ini, ada tiga langkah asas yang disebut langkah tiga bintang, langkah lima bintang, dan langkah tujuh bintang. Langkah tiga bintang digunakan ketika singa memeriksa, bangun, dan melakukan perkara di sekitar tempat asalnya. Langkah tujuh bintang digunakan ketika singa berjalan kaki jauh. Langkah lima bintang adalah yang paling biasa digunakan dalam tarian singa, dan ini digunakan dalam semua acara lain. Sudah tentu, terdapat lebih banyak variasi selain daripada tiga langkah ini, tetapi semua langkah lain berdasarkan tiga asas ini.

## **KESIMPULAN**

Natijahnya, masyarakat Cina mempunyai kepelbagaian warisan yang dapat dilihat pada masa kini seperti tarian singa. Tarian singa diaplikasikan

dengan mempunyai penari yang melakukan pelbagai pergerakan dan alatan muzik untuk menarik lagi persembahan tersebut. Alatan muzik juga melambangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh penari. Warisan tarian Cina diaplikasikan sehingga kini kerana dipercayai boleh membuang semangat jahat dan mendekatkan diri dengan semangat tuah. Bentuk pergerakan tarian singa juga kadang-kala dengan lebih agresif dan kalangkala bersifat akrobatik, tertakluk dengan jenis tarian.

Tarian singa bukan sahaja diterapkan di Malaysia, malah ianya juga boleh didapati di seluruh Asia. Hal ini demikian kerana, Asia merupakan tempat pelabuhan enterpot dan pelbagai masyarakat bermigrasi di Asia. Maka, dari proses tersebutlah terjadinya negara yang mempunyai pelbagai etnik dan majmuk. Jika dilihat, tarian singa boleh didapati dari segi persembahan, pertandingan dan ritual. Contohnya, individu terbabit akan melaksanakan tarian singa jika untuk pembukaan perniagaan, majlis perkahwinan, pembelian rumah baharu. Dari segi pertandingan pula, tarian singa sangat terkenal di seluruh dunia dan majoriti menghantar pasukan yang mempunyai pengalaman tinggi. Bukan itu sahaja, pertandingan tarian singa juga telah sampai ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tarian singa merupakan sejarah tradisi turun-temurun kebudayaan Cina dan kebudayaan kaum Asia lain yang menjadi persembahan pada musim perayaan Tahun Baru Cina, festival kaum Cina atau sebagainya.

Tarian singa menjadi lambang bahawasanya kaum Cina juga mempunyai tradisinya tersendiri. Persembahan tarian singa mampu merapatkan hubungan antara keluarga dan teman. Justeru, mereka akan berlatih dengan sepenuh hati dan bersungguh sungguh demi menghiburkan penonton. Tarian singa bukan sahaja dimainkan oleh kaum Cina, tetapi juga ada kaum Melayu dan India yang turut mengambil bahagian. Malah, hari ini ia sering kali ditonton oleh semua kaum dan ini dapat mengeratkan perpaduan dalam masyarakat berbilang bangsa. Persembahan tarian singa bukan sahaja mendatangkan keriang kepada penonton tetapi ia menjadi simbolik kepada lambang kewujudan tradisi Cina dalam kehidupan di negara pelbagai bangsa.

**RUJUKAN**

- Ahmad Rabiul Zulkifli. (2019). *Murid Melayu Persembahkan Tarian Singa*. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/496273/murid-melayu-persembahkan-tarian-singa>
- Badrul Kamal Zakaria. (2017). *Tarian Singa Malaysia Takluk Dunia*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/07/282285/tarian-singa-malaysia-takluk-dunia>
- Chaiklin, M. (2009). *Asian Material Culture*. Amsterdam University Press. p.117. [https://books.google.com.my/books?id=PcvA373XEJwC&pg=PA117&redir\\_esc=y#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?id=PcvA373XEJwC&pg=PA117&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false)
- Chairunnisaak, M., Supadmi, T. & Lindawati. (2017). Makna Simbolik Busana Barongsai Klub Macan Putih Di Vihara Dharma Bakti. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Program Studi Pendidikan Seni Drama, Tari dan Musik*. Vol. 11(1). 29 – 47. <http://www.jim.unsyiah.ac.id/sendratasik/article/viewFile/5602/2274>
- Christina, F. D. (2015). *Nilai-Nilai Ritual Dalam Pertunjukan Barongsai Naga Sakti Kota Semarang*. Fakultas Bahasa Dan Seni Universitas Negeri Semarang. <http://lib.unnes.ac.id/29079/1/2501411122.PDF>
- Fazreen Kamal. (2020). *Fakta Menarik di Sebalik Perayaan Chap Goh Mei*. FMT. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/02/08/fakta-menarik-di-sebalik-perayaan-chap-goh-mei/>
- Hiroyuki. (2003). Between Preservation and Tourism: Folk Performance Arts in Contemporary Japan. *Asian Folklore Studies*. Vol. 62(2): 225–236.
- Hoy, W. (1948). Native festivals of the California Chinese. *Western Folklore* 7: 240–50. Doi: 10.2307/1497548
- Internet Archive WayBack Machine. (2011). *Hidden Meanings In The Southern Cantonese Lion Dance Costume*. [https://web.archive.org/web/20110828021348/http://chineseliondancers.webs.com/Hidden\\_Meanings.htm](https://web.archive.org/web/20110828021348/http://chineseliondancers.webs.com/Hidden_Meanings.htm)
- Jonathan, K. (2005). *Chinese Diaspora: Malaysia*. BBC News Online. <http://news.bbc.co.uk/2/hi/asia-pacific/4308241.stm>,
- Li, M. (2017). Performing Chineseness: The Lion Dance in Newfoundland. *Asian Ethnology*. Vol. 76(2). 289 – 317. <https://asianethnology.org/downloads/ae/pdf/AsianEthnology-42.pdf>
- Liu, S. & Zhang, Y. (2019). A Brief Analysis of the Buddhist Implication and Connotation of the “Mat Lion Dance” in Meizhou. *Creative Arts in Education and Therapy*, 5(2), 85–95. Doi: <https://doi.org/10.15212/caet/2019/5/25>

- Mohamed Anwar Omar Din. (2008). *Pelancongan-Budaya: Konsep Dan Profil Di Malaysia*. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/viewFile/4923/2483>
- Muliawan, F. H & Winata, S. (2020). Tempat Pertunjukan Kesenian Khas Tionghoa Di Glodok. *Jurnal STUP*. Vol. 2(1). 247-260. <https://journal.untar.ac.id/index.php/jstupa/article/viewFile/6732/5422>
- Omar, Noritah & Dan, Washima Che. (2006). Race, Gender and Religion within the Construct of 'Bangsa Malaysia' and 'National Islamic Identity' in Malaysia Literature. *Journal of English Studies and Comparative Literature*. 65–81.
- Pratt, K. & Rutt, R. (1999). *Korea: A Historical and Cultural Dictionary*. Routledge. p. 271. [https://books.google.com.my/books?id=r15cAgAAQBAJ&pg=PA271&redir\\_esc=y#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?id=r15cAgAAQBAJ&pg=PA271&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false)
- Rashid, Md Zabid Abdul & Ho, J. N. (2003). Perceptions of Business Ethics in a Multicultural Community: The Case of Malaysia. *Journal of Business Ethics* Vol. 43(2): 75–87.
- Sarawak Update. (2021). *Tahun Baru Cina: Tarian Singa Tidak dibenarkan*. <https://www.sarawakupdate.news/2021/01/tahun-baru-cina-tarian-singa-tidak.html>
- Silitonga, P. M. (2019). *Analisis Musik Dalam Konteks Pertunjukan Barongsai Pada Masyarakat Tionghoa Di Kota Tebing Tinggi*. Universitas Sumatera Utara. [https://www.etnomusikologiusu.com/uploads/1/8/0/0/1800340/omega\\_putri.pdf](https://www.etnomusikologiusu.com/uploads/1/8/0/0/1800340/omega_putri.pdf)
- Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar, Noor Azlinda Wan Jan. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. *Jurnal PPM*. [http://eprints.usm.my/34074/1/10\\_Radia\\_12.pdf](http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf)
- Yap, T. Y. H. (2005). *Tahun Baru Cina Bukan Ritual Keagamaan*. <https://core.ac.uk/download/pdf/153827729.pdf>
- Yap, J. (2016). *The Art of Lion Dance*. Joey Yap Research Group. [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=IKdJDwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA4&dq=history+of+traditional+lion+dance&ots=bCQqVxTc4&sig=GI7hz72KrEwbSgdTcE4He8KRySk&redir\\_esc=y#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=IKdJDwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA4&dq=history+of+traditional+lion+dance&ots=bCQqVxTc4&sig=GI7hz72KrEwbSgdTcE4He8KRySk&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false)
- Ying, L. F., and Fung, L. C. (2016). Dramatizing 1Malaysia in Contemporary Chinese Lion Dance. *Asian Theatre Journal* 33(1):130–50. Doi: 10.1353/atj.2016.0008.